

# Penguatkuasaan tegas zon larangan merokok perlu dibuat

Sebanyak 20 buah premis dikenal pasti sebagai zon larangan merokok oleh kerajaan melalui peruntukan dalam Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 (PPKHT) di bawah Akta Makanan 1983 (Akta 324). Antaranya, pusat hiburan atau teater, hospital atau klinik, lif dan tandas awam, tempat makan atau kedai berhawa dingin, kenderaan atau hentian pengangkutan awam, mana-mana bangunan yang diwartakan di bawah peraturan 22, Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004, lapangan terbang, premis kerajaan, kawasan perhimpunan, kawasan institusi pendidikan dan institusi pendidikan tinggi, kawasan taman asuhan kanak-kanak, bas sekolah, kaunter perkhidmatan dalam bangunan, kompleks beli-belah, stesen minyak, stadium, kompleks sukan,

pusat kecergasan atau gimnasium, bangunan atau tempat awam untuk tujuan keagamaan, perpustakaan, kafe internet dan pusat latihan khidmat negara (PLKN). Namun begitu, masih ada perokok terus menghisap rokok di kawasan disenaraikan.

Malah, ada juga aduan daripada orang ramai yang sering melihat perokok merokok di tempat yang dilarang. Seperti yang termaktub di bawah Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004, premis kerajaan, sekolah serta institusi pengajian tinggi adalah tempat larangan merokok, tetapi puntung rokok masih juga terdapat di sekitar kawasan terbabit seperti di kawasan tempat rehat, di dalam pasu bunga, serta di sekitar tandas. Ini bererti ada orang yang merokok di tempat larangan merokok ini.

Kebanyakan perokok di Malaysia memang degil. Mereka merokok di merata-rata tempat. Perlu diingatkan merokok di tempat awam adalah perbuatan mencabul hak asasi manusia. Hanya kerana mementingkan diri, perokok memaksa orang lain yang berada di sekitarnya menjadi perokok pasif apabila menyedut asap rokok yang basi, kotor dan beracun.

## Perokok penting diri

Kebanyakan perokok di tempat awam hanya memikirkan matlamat untuk menghabiskan sebatang rokok bagi memuaskan nafsu ketagihannya tanpa menghiraukan hak dan kesesuaian serta kesihatan orang awam. Oleh yang demikian, penguatkuasaan oleh pihak yang berwajib hendaklah sentiasa dilakukan bagi menguat-

kuasakan peraturan telah digubal dibawah seksyen 36 Akta Makanan 1983 (Akta 324) dan mula berkuatkuasa 24 September 2004.

Selain menetapkan kawasan larangan merokok, PPKHT 2004 juga mempunyai peruntukan tertentu untuk mengawal pengiklanan hasil tembakau, larangan tajaan, larangan pengedaran sampel percuma, bilangan rokok dalam sesuatu bungkusan, pelabelan dan bentuk bungkusan paket rokok, tanggungjawab memamer larangan penjualan hasil tembakau kepada orang belum dewasa dan beberapa peruntukan tambahan tempat-tempat dilarang merokok.

Peraturan 11 (3) PPKHT 2004 jelas memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang melanggar peraturan larangan merokok terbabit boleh didenda tidak melebihi RM10,000

atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun. Kerajaan telah lama membuat dasar, menggubal undang-undang dan peraturan untuk menangani masalah merokok di tempat awam, tetapi tidak ada tindakan pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dilakukan.

Oleh sebab itu, masih ada yang berani merokok di tempat larangan ini. Jadi, pemantauan dan penguatkuasaan ketat serta yang berterusan saja dapat menyekat perokok secara suka hati merokok di lokasi yang diwartakan sebagai tempat larangan merokok.

**Dr Muzaffar Syah Mallow,**  
Pensyarah Kanan,  
Fakulti Syariah & Undang-Undang,  
Universiti Sains Islam Malaysia